

**MEDIA ETNIK DAN PEMUPUKAN  
SEMANGAT KEKITAAN DALAM KALANGAN  
AUDIENS KADAZAN DUSUN : SATU  
PENEROKAAN KONSEP 'CULTURAL  
PROXIMITY' TERHADAP BERITA iKADAZAN /  
iDUSUN TVi**

**DG. SITI ALIZAWATY BINTI AG. ALI**

**TESIS DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SYARAT-SYARAT BAGI IJAZAH SARJANA  
SASTERA**

**PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**FAKULTI KEMANUSIAAN SENI DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2019**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL: **MEDIA ETNIK DAN PEMUPUKAN SEMANGAT KEKITAAN DALAM KALANGAN AUDIENS KADAZAN DUSUN : SATU PENEROKAAN KONSEP 'CULTURAL PROXIMITY' TERHADAP BERITA IKADAZAN/IDUSUN TVi**

IJAZAH: **SARJANA SASTERA (KOMUNIKASI)**

Saya **DG. SITI ALIZAWATY BINTI AG. ALI**, Sesi **2013-2019**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)


TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD




**DG. SITI ALIZAWATY BINTI AG. ALI**  
**MA1221006T**



Disahkan Oleh,  
**NORAZLYNNE MOHD JOHAN @ J.A. LYNE**  
PUSTAKAWAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)



(Dr. Haryati Abdul Karim)  
Penyelia


Tarikh : 19 September 2019



## PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

19 September 2019



Dg. Siti Alizawaty binti Ag. Ali  
MA1221006T

## PENGESAHAN

**NAMA : DG. SITI ALIZAWATY BINTI AG. ALI**

**NO. MATRIK : MA1221006T**

**TAJUK : MEDIA ETNIK DAN PEMUPUKAN SEMANGAT KEKITAAN  
DALAM KALANGAN AUDIENS KADAZAN DUSUN : SATU  
PENEROKAAN KONSEP 'CULTURAL PROXIMITY' TERHADAP  
BERITA iKADAZAN / iDUSUN TVi.**

**IJAZAH : SARJANA SASTERA (KOMUNIKASI)**


**TARIKH VIVA : 24 APRIL 2019**

### DISAHKAN OLEH

**PENYELIA**

Dr. Haryati Abdul Karim

Tandatangan



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke-hadrat Allah SWT, dengan rahmat dan kurniaan-Nya, tesis bertajuk Media Etnik dan Pemupukan Semangat Kekitaan dalam Kalangan Audiens Kadazan Dusun : Satu Penerokaan Konsep 'Cultural Proximity' terhadap Berita iKadazan / iDusun TVi, telah dapat disiapkan dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan buat penyelia saya, Dr. Haryati Abdul Karim, yang cukup bersabar dalam menasihati, membimbing dan menyelia saya sepanjang beberapa tahun lalu. Galakan berterusan beliau telah mendorong saya untuk melengkapkan kajian dan menerbitkan tesis ini. Tidak lupa, ucapan terima kasih kepada semua pensyarah UMS yang pernah memberi saranan dan kritikan membina semasa pembentangan cadangan tesis ini.

Turut dihargai, para penduduk Kampung Moyog, Penampang dan Kampung Bundu Tuhan, Ranau serta informan-informan tambahan yang sudi meluangkan masa untuk ditemu bual.

Penghargaan istimewa buat suami dan anak-anak, serta ibu bapa saya atas dorongan dan pengorbanan masasepanjang proses kajian dan tesis ini disiapkan.

Dg. Siti Alizawaty binti Ag. Ali

19 September 2019



## ABSTRAK

Tesis ini berkongsi dapatan kajian mengenai penontonan berita etnik dalam mencapai matlamat perpaduan dalam kalangan masyarakat Kadazan Dusun di Sabah. Dapatan kajian kualitatif ini menumpukan kepada audiens Berita iKadazan iDusun Tvi dalam kalangan masyarakat Kadazan Dusun di Penampang dan Ranau, iaitu seramai 58 orang, berusia antara 20 tahun hingga 70 tahun. Pengenalan Berita iKadazan dan iDusun dalam TVi menerusi saluran 180 (kini 109) Astro sejak April 2011, membolehkan masyarakat khususnya kaum Kadazan Dusun menonton berita dalam bahasa etnik mereka. Temu bual dengan pengujian Konsep Cultural Proximity, selain Teori Resepsi ini mendapati penontonan responden terhadap rancangan berita etnik didorong faktor bahasa dan kedekatan budaya yang ditonjolkan dalam berita yang bersifat tempatan. Walaupun kandungan berita sama boleh ditonton menerusi saluran berita lain dalam Bahasa Melayu, mereka lebih selesa dan mudah memahami berita dalam bahasa etnik sendiri. Temu bual mendalam juga mendapati, penontonan media etnik yang dikhuatiri memperkukuh identiti etnik khalayak dan menjejaskan pembentukan identiti nasional, tidak berlaku pada masyarakat Kadazan Dusun. Penonton berita dalam bahasa etnik sebaliknya meningkatkan kesedaran dan memupuk semangat kekitaan mereka untuk terus memperjuangkan kelestarian bahasa dan budaya etnik mereka yang mendapat pengiktirafan kerajaan, sebagai satu kaum yang setara dengan kaum-kaum lain di negara ini. Dalam dapatan kajian ini, semangat kekitaan itu turut diselangi perasaan kebersamaan yang melambangkan identiti nasional mereka sebagai rakyat Malaysia. Media etnik boleh mencapai matlamat perpaduan masyarakat majmuk di Malaysia.



## **ABSTRACT**

### **ETHNIC MEDIA AND FOSTERING THE SPIRIT OF SENSE OF BELONGING AMONG THE KADAZAN DUSUN AUDIENCES: AN EXPLORATION OF CULTURAL PROXIMITY CONCEPT TOWARDS IKADAZAN/ IDUSUN TVI NEWS**

*This thesis shares research findings on ethnic news viewing in achieving the goal of unity among the Kadazan Dusun communities in Sabah. The findings of this qualitative study focus on TVi iKadazan or / and iDusun News audiences among the Kadazan Dusun communities, in Penampang and Ranau areas, a total of 58 people, aged between 20 to 70 years. Introduction of iKadazan and iDusun News in TVi via the Astro channel 180 (now 109) since April 2011, has enabled the people, especially the Kadazan Dusun, to watch news in their respective ethnic languages. The interviews conducted using the testing of Cultural Proximity Concepts, besides Reception Theory found that respondents' views on ethnic news were driven by language and cultural closeness highlighted in local news. Although the same news can be watched through other news channels, they are more comfortable and easy to understand the news in their own ethnic languages. In-depth interviews also found that the viewing of ethnic media which feared to reinforce the ethnic identity of the audience and undermine the formation of their national identity, does not happen in the Kadazan Dusun community. This news instead has raised awareness and fostered the spirit of belonging among them to continue to preserve their ethnic language and culture which is recognized by the government, as a race equivalent to other races in the country. In the findings, the spirit of belonging is also accompanied by the sense of togetherness that symbolizes their national identity as Malaysians. Ethnic media can achieve the goal of a multi-racial society in Malaysia.*



## ISI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiii
<b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Perpaduan di Malaysia	2
1.3 Latar Belakang Masyarakat Kadazan Dusun	7
1.3.1 Asal Usul Istilah Kadazandusun	9
1.4 TVi dan Berita iKadazan/ iDusun	11
1.5 Semangat Kekitaan	14
1.6 Permasalahan Kajian	17
1.7 Persoalan Kajian	21
1.8 Objektif Kajian	22
1.9 Skop Kajian	22
1.10 Kepentingan Kajian	23





## **BAB 2 : SOROTAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	25
2.2	Sejarah Perkembangan Media Etnik di Sabah	26
2.2.1	Bahasa Etnik dalam Media	
2.2.2	Siaran Bahasa Kadazan Dusun	
2.3	TV Malaysia Sabah (1971-1975)	28
2.3.1	Rangkaian Ketiga (1975-1983)	
2.3.2	Rangkaian 2 di Malaysia Timur	
2.3.3	Pemberhentian Rangkaian 3 (19383)	
2.4	TVi (Berita iKadazan dan iDusun)	32
2.5	Politik dan Televisyen di Sabah	33
2.6	TV Etnik dan Pembentukan Identiti	39
2.7	Teori Resepsi Audiens	45
2.6.1	Kekuatan dan Kelemahan Teori Resepsi	
2.8	Cultural Proximity	49
2.9	Kesimpulan	52

## **BAB 3 : PENDEKATAN DAN KAEDAH KAJIAN**

3.1	Pengenalan	53
3.2	Pendekatan Kajian	53
3.3	Metodologi Kajian	54
3.4	Kaedah Persampelan	56
3.4.1	Pecahan Sampel Mengikut Umur	
3.5	Instrumen Kajian	57
3.6	Kaedah Analisis Data	58
3.7	Bias	60
3.8	Kesimpulan	60



## **BAB 4 : DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN**

4.1	Pengenalan	61
4.2	Pola Penontonan	62
4.2.1	Pola Penontonan Audiens	
4.3	Bahasa sebagai Faktor Penontonan	63
4.4	Survivaliti Identiti Bangsa	66
4.5	Krisis Identiti Budaya	69
4.6	Bahasa Sumber Identifikasi Bangsa	71
4.7	Kebangkitan Semangat Etnik	74
4.8	Alat Perpaduan	78
4.9	Pengukuhan Perpaduan Masyarakat Majmuk	81
4.10	Bahasa Sumber Identifikasi Bangsa	84
4.11	Survivaliti Identiti Bangsa	86

## **BAB 5 : PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1	Pengenalan	90
5.2	Perbincangan	74
5.2.1	Pengaruh Media Etnik terhadap Semangat Kekitaan Audiens	
5.2.2	Pengukuhan Perpaduan Masyarakat Majmuk	
5.3	Cadangan	97
7.3.1	Pengisian Berita	
7.3.2	Penambahbaikan Silibus Pembelajaran Bahasa Kadazan Dusun	
5.4	Kesimpulan	100

<b>RUJUKAN</b>	101
----------------	-----

<b>LAMPIRAN</b>	108
-----------------	-----



## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 Kekuatan Teori Resepsi	49
Jadual 3.1 Pecahan Sampel Mengikut Umur	57



## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 4.1 Tema dikenal pasti hasil analisis data	67



## SENARAI SINGKATAN

<b>ADUN</b>	Anggota Dewan Undangan Negeri
<b>APTN</b>	Aboriginal People Television Network
<b>BERJAYA</b>	Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah
<b>BKD</b>	Bahasa Kadazan Dusun
<b>BN</b>	Barisan Nasional
<b>DUN</b>	Dewan Undangan Negeri
<b>KCA</b>	Kadazan Cultural Association
<b>KDCA</b>	KadazanDusun Cultural Association
<b>KDM</b>	Kadazan Dusun Murut
<b>KKMM</b>	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
<b>KPKK</b>	Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia
<b>KPM</b>	Kementerian Pelajaran Malaysia
<b>NBN</b>	North Borneo News
<b>PBS</b>	Parti Bersatu Sabah
<b>RTM</b>	Radio Televisyen Malaysia
<b>S4C</b>	Sianel Pedwar Cymru (Saluran Empat Wales)
<b>TVi</b>	Televisyen Interaktif
<b>UK</b>	United Kingdom
<b>USDA</b>	Persatuan Dusun Sabah Bersatu
<b>USNO</b>	United Sabah National Organisation



## SENARAI LAMPIRAN

	Halaman	
Lampiran A	Soalan Temu Bual	108
Lampiran B	Data Responden di Kg Moyog, Penampang	109
Lampiran C	Data Responden di Kg. Bundu Tuhan, Ranau	110
Lampiran D	Foto Siaran Berita iKadazan dan iDusun TVi	111
Lampiran E	Foto Kerja Lapangan di Kg. Moyog, Penampang	112
Lampiran F	Foto Kerja Lapangan di Kg. Bundu Tuhan, Ranau	113
Lampiran G	Foto Temu Bual Informan	116



# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Kajian ini adalah mengenai kajian penerimaan audiens di Sabah, terhadap rancangan Berita iKadazan dan iDusun dalam saluran televisyen TVi. Ini adalah kerana TVi merupakan satu-satunya saluran televisyen nasional yang menyiarkan rancangan berita serta hiburan dalam Bahasa Kadazan dan Bahasa Dusun.

Oleh itu, kajian ini adalah untuk memahami bagaimana mereka melihat rancangan Berita iKadazan dan iDusun sebagai rancangan untuk kaum mereka.

Tesis ini juga melihat sama ada semangat kekitaan wujud dalam kalangan masyarakat Kadazan Dusun dalam konteks penontonan Berita iKadazan dan iDusun.

Di dalam bab ini, beberapa perkara yang akan disentuh ialah latar belakang kajian, yang menjelaskan mengenai perpaduan di Malaysia, siaran Berita iKadazan dan iDusun dalam saluran TVi, serta semangat kekitaan yang dikaitkan dengan media etnik.

Selain itu, bab ini turut menjelaskan mengenai permasalahan kajian, diikuti persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian.



## **1.2 Perpaduan di Malaysia**

Malaysia ialah sebuah negara yang terbentuk menerusi penggabungan wilayah-wilayah iaitu Tanah Melayu (yang kini dikenali sebagai Semenanjung Malaysia), Sabah dan Sarawak. Pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 telah menjadikan negara ini unik lantaran kepelbagaian kaumnya yang terdiri daripada Melayu, Cina dan India serta kaum-kaum Bumiputera Sabah dan Sarawak (Nur Aqielah, 2010). Lebih menarik, kemajmukan rakyat Malaysia disatukan dengan harmoni menerusi persetujuan semua kaum terhadap hak dan keistimewaan masing-masing, tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan. Ini termasuk kedudukan istimewa bumiputera Sabah yang termaktub menerusi Perkara 161A Bahagian 21A Perlembagaan Persekutuan.

Walaupun isu perpaduan telah wujud sebelum pembentukan Malaysia, namun penyatuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak secara sah sejak 56 tahun lalu telah mengangkat isu perpaduan sebagai suatu keutamaan atau asas untuk membangunkan Malaysia. Ini kerana dasar pemisahan kaum atau lebih dikenali sebagai 'Dasar Pecah dan Perintah' yang diamalkan penjajah British telah mewujudkan jurang sosial antara kaum, sekaligus menyukarkan usaha untuk mencapai perpaduan. Isu perpaduan mencapai kemuncaknya apabila peristiwa berdarah berlaku pada 13 Mei 1969, iaitu selepas enam tahun pembentukan Malaysia. Perintah darurat susulan rusuhan kaum yang berlaku dalam era pemerintahan Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, kemudiannya disusuli pengisytiharan Rukun Negara sebagai Ideologi Kebangsaan pada 31 Ogos 1970 (Ruslan, 2006).

Lima prinsip Rukun Negara kemudiannya menjadi dasar pendidikan, kewarganegaraan, pembangunan dan perkembangan masyarakat, yang antara lain bertujuan mencapai perpaduan lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat (Zaidi, 2010).





Sejak itu, setiap Perdana Menteri yang menerajui tampuk pemerintahan Malaysia berusaha memperkukuh perpaduan dalam kalangan semua kaum. Perkara ini terbukti menerusi pembentukan pelbagai dasar yang bertujuan menyatupadukan semua kaum di negara ini.

Semasa pemerintahan Tun Abdul Razak Hussein selaku Perdana Menteri Malaysia yang kedua, beliau telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru. Dasar itu menetapkan dua matlamat utama iaitu untuk mengurang seterusnya membasmi kemiskinan, dan untuk membasmi pengenalan kaum berdasarkan fungsi ekonomi. Matlamat tersebut sekaligus dilihat mampu memperkukuh perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum di Malaysia (Azizi, 1997). Pada masa sama, Kerajaan juga memperkenalkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan pada 1971 yang bertujuan mewujudkan identiti negara Malaysia menerusi pembentukan kebudayaan kebangsaan yang merdeka dengan mewujudkan perpaduan kaum.

Dasar ini digubal berlandaskan tiga prinsip iaitu menjadikan kebudayaan rakyat asal rantau yang merangkumi Asia Tenggara, termasuk Kepulauan Selatan Pasifik dijadikan teras penggubalan kebudayaan Malaysia, khasnya kebudayaan Melayu; menerima unsur budaya Cina, India, Arab, Barat dan lain-lain bangsa dalam proses penyerapan dan penyesuaian, sejajar dengan prinsip Rukun Negara; dan Agama Islam sebagai agama rasmi negara menjadi unsur penting dalam pembentukan identiti masyarakat Malaysia. Antara strategi yang dilaksanakan menerusi dasar ini adalah untuk memenuhi keperluan sosiobudaya rakyat Malaysia (Institut Tadbiran Awam Negara, 1992).

Agenda perpaduan menerusi pembentukan identiti masyarakat Malaysia turut diterjemahkan Perdana Menteri Malaysia yang keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamed menerusi pengenalan Wawasan 2020 pada 28 Februari 1991.

Walaupun wawasan ini bermatlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020, namun agenda perpaduan digariskan sebagai cabaran pertama yang perlu diatasi untuk mencapai matlamat tersebut.

“Mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat yang serupa dan dikongsi bersama. Ia mesti menjadi negara yang aman, berintegrasi di peringkat wilayah dan kaum, hidup dalam harmoni, berkerjasama sepenuhnya, secara adil dan didokong oleh satu bangsa Malaysia yang mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara;” – Cabaran Pertama Wawasan 2020 (Institut Tadbiran Awam Negara, 1992:14).

Pembentukan bangsa Malaysia yang dinyatakan dalam Cabaran Pertama Wawasan 2020 bagaimanapun telah menimbulkan beberapa kekeliruan. Ini kerana ada pihak yang menganalisis perkara tersebut secara legalis dengan menghubungkannya dengan konsep warganegara, dan ada pula yang melihatnya berdasarkan konsep ras yang diujahkan sebagai sukar untuk terbentuk (Abdul Rahman, 2001). Kebimbangan akan berlakunya proses asimilasi kaum menerusi pembentukan Bangsa Malaysia, bagaimanapun semakin lenyap apabila Perdana Menteri Keenam Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak memperkenalkan Gagasan 1Malaysia beserta slogan 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' pada 3 April 2009, iaitu hari pertama beliau mengambil alih tampuk pemerintahan negara daripada Perdana Menteri kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Walaupun gagasan itu merupakan kesinambungan daripada dasar-dasar yang dibawa oleh pemimpin-pemimpin terdahulu (Jabatan Penerangan Malaysia, 2010), namun Dato' Sri Najib melihat kepelbagaian kaum di Malaysia sebagai sumber perpaduan yang menjadi teras pengukuhan negara ke arah mencapai Wawasan 2020 (Mohd Najib Razak, 2009).



Berteraskan perpaduan yang disandarkan kepada prinsip penerimaan, kenegaraan dan keadilan sosial, Gagasan 1Malaysia menekankan sikap penerimaan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum serta pembelaan terhadap semua rakyat secara adil.

Sejak awal penubuhan Malaysia, hubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak adalah lebih kompleks, disebabkan dua faktor iaitu peruntukan khas bagi kedua-dua negeri tersebut; dan proses politik di kedua-dua negeri berkenaan lebih rumit (Zuraina Majid, 1985).

Selain itu, kedudukan kaum Kadazan Dusun di negara ini, turut mempengaruhi hubungan antara Kerajaan Negeri Sabah dengan Kerajaan Persekutuan. Di Semenanjung, kumpulan etnik yang dominan ialah kaum Melayu, Cina dan India, manakala di Sabah dan Sarawak, orang-orang asal yang masing-masing dikenali sebagai Anak Negeri, Dayak Sarawak dan Orang Ulu, membentuk populasi majoriti. Bagaimanapun, secara nasional, orang-orang asal tersebut hanya dilihat sebagai etnik minoriti kerana golongan ini dikategorikan bersama-sama Orang Asli sebagai Bumiputera, yang hanya mewakili 11.8 peratus daripada populasi negara (JHEOA, 2011).

Pengkategorian Anak Negeri Sabah dalam istilah Bumiputera di peringkat nasional, dilihat masyarakat Bumiputera Sabah, terutama kaum Kadazan Dusun sebagai satu percubaan menjadikan semua etnik di Sabah serumpun dengan Bumiputera di Semenanjung, yang didominasi kaum Melayu (Ongkili, 1985). Perkara ini dikatakan mempunyai kaitan dengan sejarah awal penyertaan Sabah dalam pembentukan Malaysia dan polisi Islamisasi dan Melayunisasi yang dilaksanakan Kerajaan Sabah di bawah pemerintah Tun Datu Mustapha Datu Harun dan Datuk Harris Salleh.

Begitu juga dengan istilah Peribumi yang diperkenalkan Datuk Haris Salleh dalam Buku Perangkaan Negeri Sabah Tahun 1980, yang menghimpunkan semua etnik di Sabah sebagai Peribumi bersama-sama dengan etnik Indonesia dan Filipina yang sudah menetap di Sabah (ISLAC, 2017).

Malah, isu ini telah dijadikan bahan kempen oleh Datuk Seri Panglima Pairin Kitingan dalam Pilihan Raya 1985 yang membawa kepada kejatuhan Datuk Haris Salleh. (Ongkili: 1985 dan Regina Lim: 2008)

Peristiwa itu menunjukkan betapa orang asal Sabah, khususnya Kaum Kadazan Dusun selaku penduduk pribumi dan majoriti di Sabah, sangat menitikberatkan soal identiti etnik, yang dilihat mempengaruhi kedudukan mereka di peringkat nasional. Mereka mahu mendapat pengiktirafan dan layanan yang sama seperti kaum-kaum lain yang dominan di Semenanjung, dan bukannya diletakkan sebagai etnik minoriti atau disama taraf dengan etnik Indonesia dan Filipina yang sudah menetap di Sabah. Justeru, istilah Anak Negeri dilihat lebih sesuai digunakan untuk merujuk Bumiputera Sabah dengan mengekalkan identiti etnik tersebut. (ISLAC, 2017)

Dari aspek penyiaran pula, kaum Kadazan Dusun mahu suara mereka didengari melalui media massa, dengan suntikan bahasa dan budaya yang boleh menonjolkan lagi kaum ini di peringkat nasional. Walaupun bahasa etnik termasuk bahasa Kadazan Dusun mendapat tempat dalam siaran Radio Sabah pada tahun 1955, hasil inisiatif Tun Fuad Stephens yang merupakan pengasas akhbar Sabah Times yang diwujudkan pada 1952 (Achal Mehra, 1989), namun siaran Radio Sabah (kini dikenali sebagai Sabah Vfm) hanya bersifat tempatan sedangkan masyarakat berkenaan mahukan suara mereka didengari di peringkat nasional.

Penggunaan bahasa etnik sebagai bahasa siaran radio adalah untuk memastikan mesej secara verbal yang hendak disampaikan mudah difahami golongan sasar pendengar. (Hasuria Che Omar *et al.*, 2009:3)

Dalam konteks ini, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia (KPKK) yang kini dikenali sebagai Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), merupakan kementerian yang bertanggungjawab menyampaikan maklumat dan penerangan mengenai falsafah, dasar dan program Kerajaan kepada masyarakat melalui jenteramedia kerajaan dan perhubungan awam secara sah, tepat, cepat, terkini dan berkualiti selaras dengan matlamat negara.

Menyedari Gagasan 1Malaysia memberi penekanan khusus terhadap usaha menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia, KPKK tampil dengan idea pewujudan saluran televisyen TVi.

### **1.3 Latar Belakang Masyarakat KadazanDusun**

Masyarakat Kadazan Dusun merupakan kumpulan etnik yang terbesar di Sabah yang membentuk lebih 20 peratus daripada keseluruhan jumlah penduduk negeri ini iaitu seramai 3,206,742 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010).

Kumpulan etnik Kadazan Dusun ini merangkumi pelbagai sub-etnik. Antaranya, daripada keluarga Dusunik seperti Kadazan, Dusun, Kimaragang, Bisaya, Bonggi, Bundu, Liwan, Lotud, Rungus, Tagahas, Tanggara, Tatana, Tidong, Tindal dan Tobilong; keluarga Paitanik seperti Bagahak, Lingkabau, Paitan dan Sungai; dan keluarga Murutik seperti Lundayeh, Lun Bawang dan Tagal (Dayu Sansalu, 2008).

Setiap sub-etnik pula mempunyai dialek bahasa masing-masing. Terdapat lebih kurang 10 bahasa dan 27 dialek dalam rumpun bangsa Kadazan Dusun (Tangau, 1989). Jumlah tersebut mungkin lebih daripada itu.

Terdapat sekurang-kurangnya empat teori mengenai asal usul kaum Kadazan Dusun iaitu:-

- a. Teori Pertama : Kaum Kadazan Dusun berasal dari keturunan 'Mongoloid' (Ivor H.N. Evans: 1923 dan T.R. Williams: 1965);
- b. Teori kedua : Kaum Kadazan Dusun berketurunan 'Indo-Malayan' (T.R. Williams: 1965);
- c. Teori ketiga : Kaum Kadazan Dusun adalah kacukan kaum China (Ivor H.N. Evans: 1932 dan Owen Rutter: 1920);
- d. Teori keempat : Kaum Kadazan Dusun adalah keturunan orang purba Gua Madai.

Menurut Sather dan Jacqueline Pugh-Kitingan (2004), kebanyakan etnik Dusunik menyurgalurkan asal usul mereka dari Nunuk Ragang (bermaksud Pokok Ara Merah) iaitu satu kampung berhampiran Tampios, di Sungai Liwagu, kawasan terpencil di Daerah Ranau.

Pertambahan penduduk selepas beberapa zaman menyebabkan penghijrahan keluar secara berkumpulan dari Nunuk Ragang untuk mencari tanah lebih subur bagi aktiviti cucuk tanam. Penghijrahan terus berlaku secara berasingan dalam tempoh beratus atau beribu tahun.

### 1.3.1 Asal Usul Istilah Kadazan Dusun

Istilah Dusun (dalam Bahasa Melayu Brunei bermaksud kebun) digunakan oleh orang Brunei ketika penguasaan Kesultanan Brunei di pantai barat, Borneo Utara. Dusun merujuk kepada etnik petani pedalaman, terutamanya pesawah. Istilah ini kemudiannya terus digunakan orang British semasa kedatangan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British pada 1881 (Jacqueline Pugh-Kitingan, 2012).

Istilah Kadazan pula dikesan penggunaannya di Papar, oleh mubaligh Roman Katolik pada tahun 1880-an (Staal, 1923/1924:958-959; Rutter, 1929:30-31; dan Rooney, 1981:32). Istilah ini berasal daripada perkataan *kakadayan* (dialek Dusun tengah) atau *kakadazan* (dialek pesisir pantai) yang diambil daripada perkataan *kadai* yang bermaksud kedai.

Istilah *Kadazan* dikembangkan daripada *kakadazan* atau *kakadayan* sebagai rujukan berarah yang menerangkan tentang kehidupan etnik Dusun di kawasan pantai, sebelum menjadi nama bagi Dusun Pesisir Pantai. Orang Pantai ini lebih suka istilah *Kadazan* berbanding Dusun yang dirasakan mempunyai konotasi kemunduran. Namun, etnik yang tinggal lebih jauh ke pedalaman menganggap *Kadazan* sebagai label bagi komuniti Dusun Pesisir Pantai. (*ibid*)

Pada 1953, Donald Stephens (kemudiannya Tun Mohd. Fuad Stephens) yang berketurunan campuran New Zealand, Kadazan dan Inggeris-Jepun, menubuhkan Persatuan Kadazan (the Society of Kadazans) dan memperkenalkan Kelab Kadazan di daerah-daerah (Pugh-Kitingan, 1989:367-373)

Penggunaan istilah *Kadazan* sebagai istilah am meliputi sebahagian besar etnik pribumi di Sabah masih berterusan selepas penubuhan Malaysia pada 1963 dengan penubuhan Persatuan Kebudayaan Kadazan (KCA). Keadaan ini telah mencetuskan kekeliruan identiti, khususnya dalam kalangan kaum Dusun selaku kaum asal kepada masyarakat yang kini disebut sebagai Kadazan, di negeri ini.

Beberapa tahun kemudian, cendekiawan menggunakan nama *Kadazan Dusun* untuk merujuk kepada kaum tersebut demi mengelak kekeliruan dan krisis identiti itu. Malah ada sesetengahnya menulis istilah itu sebagai *Kadazan/Dusun* atau *Kadazan-Dusun*.

Kumpulan etnik Dusunik (seperti Lotud dan Rungus) tidak menganggap mereka tergolong bawah istilah *Kadazandusun* kecuali dalam pengertian umum sebagai orang pribumi bersaudara.

Mereka memilih nama mereka sendiri untuk menunjukkan bahasa dan kebudayaan mereka yang tersendiri. Kebanyakan orang juga merasakan istilah *Kadazandusun* terlalu dipolitikkan.

Bagaimanapun, istilah 'Kadazandusun' yang mulanya diperdebatkan, akhirnya diputuskan sebagai pendekatan alternatif yang terbaik untuk meleraikan krisis identiti Kadazan atau Dusun yang telah melumpuh dan menghalang pertumbuhan dan pembangunan komuniti pelbagai etnik Kadazandusun secara sosiobudaya, ekonomi dan politik sejak sentimen Kadazanisme dan Dusunisme dipolitikkan pada awal 1960-an.

Penggunaan istilah Kadazandusun bagi kaum Kadazan dan Dusun serta subetnik bawahnya, diputuskan menerusi Persidangan Delegasi KCA pada 4 dan 5 November 1989 (<http://kdca.org.my/about/kadazandusun>). Kerajaan Negeri Sabah juga secara rasmi mengiktiraf gandingan nama Kadazandusun pada 1992 menerusi penukaran nama KCA kepada Persatuan Kebudayaan KadazanDusun (KDCA).





## RUJUKAN

- Abu Hassan Othman. 1997. Transformasi Masyarakat dalam Konteks Pembinaan Negara-bangsa Malaysia. Dalam M. Yaakob Johari (ed). *Agenda Pembinaan Negara-Bangsa Malaysia dalam Era Kebangkitan Asia*. Kota Kinabalu: Institut Kajian Pembangunan Sabah.
- Achal Mehra. 1989. *Press Systems in ASEAN States* : Asian Macc Communication Research and Information Centre
- Ahmad Sebi. 1997. *Media, tinta dan kuasa*. Kuala Lumpur: Media Indah.
- Ang I. 1991. *Desperately Seeking the Audience*. London : Routledge.
- Anuar Idris. 2015. *Retrospeksi RTM Sabah 1955-2015*. Kota Kinabalu : Jabatan Penyiaran Malaysia Sabah.
- Appell, G. N. 1968. The Dusun languages of Sabah: The Rungus Dusun related problems. *Oceanic Linguistics*, 7:131-147.
- Arkib Negara Malaysia. 2008. Dipetik dari [http://www2.arkib.gov.my/hids/print.php?type=A&item\\_id=5927](http://www2.arkib.gov.my/hids/print.php?type=A&item_id=5927) pada 25 Mei 2013.
- Asmah Haji Omar. 1983. *The Malay Peoples of Malaysia and Their Languages*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Barlocco, F. 2014. *Identity and the State in Malaysia*. London: Routledge.
- Baumeister, R.F., & Leary, M.R. 1995. *The Need to Belong: Desire to Interpersonal Attachment as a Fundamental Human Motivation*. *Psychological Bulletin*, 117(3):497-529. Dipetik dari <http://www.apa.org/pubs/journals/bul/>
- Bernard Sta Maria. 1978. *The Golden Son of the Kadazan* : Peter J. Mojuntin. Melaka : Bernard Sta Maria, hlm. 20
- Bruce Ross-Larson. 1976. *The Politics of Federalism: Syed Kechik in East Malaysia*, Singapore: Bruce Ross-Larson.
- Budd, B., Entman, R. dan Steinman, C. 1990. The affirmative character of American Cultural Studies, *Critical Studies in Mass Communication* 7(2).
- Chamil Wariya. 1992. *UMNO Sabah Mencabar dan Dicabar*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.



- Clayre, B. M. 1966. A comparison of some dialects of Dusun. *Sabah Society Journal*, 3, Part 1, 3-12.
- Croteau D., Hoynes W. 1997. *Media/Industries: Industries, Images and Audiences*. London: Pine Forge Press.
- Cunningham, S. dan Sinclair, J. (ed.). 2001. *Floating Lives : The Media and Asian Diasporas*. Amerika Syarikat: Rowman & Littlefield Publishers.
- Dayu Sansalu. 2008. *Kadazandusun di Sabah: Pendidikan dan proses pemodenan 1881-1967*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. 1999. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fokemma D.W. 1977. *Theories of Literature in the Twentieth Century*. London: C. Hurst & Company.
- Georgiou, M. 2012. Introduction: Gender, migration and the media. *Journal of Ethnic and Racial Studies*, 35(5):791-799.
- Hall, S. 1973. Encoding/decoding in television discourse. *Dicetak semula dalam S. Hall et al. (eds.) (1981) Culture, Media, Language*. London: Hutchinson.
- Hamisah Hassan dan Abdul Muati Zamri Ahmad. (2006). ASEAN Delights: A Study of ASEAN Programmes in Malaysian TV. *Persidangan Asia mengenai Media dan Identiti*, 15-16 Februari 2006, Kuching, Sarawak.
- Hargreaves, A. G. dan Mahjdoub, D. 1997. Satellite television viewing among ethnic minorities in France. *European Journal of Communication*, 12(4):459-477.
- Haryati Abdul Karim dan Mohd. Hanafi Jumrah. 2019. Pola Penontonan Drama Indonesia dan Pembentukan Identiti dalam Kalangan Belia Diaspora Bugis-Malaysia (Sabah). *Sabah dalam Hubungan Malaysia-Indonesia*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 14:205-220.
- Hasuria Che Omar *et al.* 2009. *The Sustainability of the Translation Field*. Kuala Lumpur: Malaysia Translator Association.
- Institut Tadbiran Awam Negara. 1992. *Dasar-dasar Pembangunan Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia

- Jabatan Penerangan Malaysia. 2010. *1Malaysia Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*. Kuala Lumpur.
- Jabatan Penyiaran Malaysia, Sabah. 2007. *Retrospeksi RTM Sabah 1955-2005*. Kota Kinabalu.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2010. [http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com\\_content&id=1215&Itemid=89&lang=bm](http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&id=1215&Itemid=89&lang=bm) Diakses pada 17 September 2013.
- Jacqueline Pugh-Kitingan, 2012. *Kadazan Dusun*. Kota Kinabalu: ITBM Universiti Malaysia Sabah.
- Jalil Haji Din. 1976. *Sabah : Dilemma Yang Belum Selesai*. Kuala Lumpur : Jaihadi Corporation, hlm. 25.
- Kahin, A.R. 1992. Crisis on the Periphery: The Rift Between Kuala Lumpur and Sabah. *Pacific Viewpoint*, 65(1):30-49
- Karthigesu, R. 1994 *Sejarah Perkembangan Televisyen di Malaysia (1963-1983)*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Katz, E. 1959 *Mass Communications Research and the Study of Popular Culture : An Editorial Note on a Possible Future for this Journal*. *Studies in Public Communication* 2, hlm. 1-6.
- Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. 2011. Dipetik dari <http://www.kkmm.gov.my/main-slider/174-bahankpkk/ucapan-menteri/3335-majlis-perasmian-dan-pelancaran-tvi-di-kuching-sarawak-pada-10-april-2011> pada 6 Jun 2018.
- Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia. 2011. Dipetik dari [http://www.kpkk.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=3335%3Amajlis-perasmian-dan-pelancaran-tvi-di-kuching-sarawak-pada-10-april-2011&catid=174&Itemid=104&lang=bm](http://www.kpkk.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=3335%3Amajlis-perasmian-dan-pelancaran-tvi-di-kuching-sarawak-pada-10-april-2011&catid=174&Itemid=104&lang=bm) pada 10 April 2013.
- King, J.K. dan King, J.W. 1984. *Languages of Sabah: A survey report*. Canberra, Australia: Pacific Linguistics.
- King, J.K., 1984. *The Paitanic language family*. In Julie K. King & John Wayne King (Ed.). *Languages of Sabah: A Survey Report* (hlm. 231-235). Canberra, Australia: Pacific Linguistics.

- Khusairie Talib. 1991. *PBS Keluar Membela Maruah*. Malaysia : Goldana Corporation.
- Kim, Y. 2011. *Transnational Migration, Media and Identity of Asian Women: Diasporic Daughters*. London: Routledge.
- Kvale, S. dan Brinkmann, S. 2008. *InterViews: Learning the Craft of Qualitative Research of Interviewing*. California: Sage Publications, Inc.
- Lampe, A.G. 1968. The Kadazan. *Borneo Society Journal*, 3, 5-8.
- La Pastine, A.C., et al. 2014. Why Do I Feel I Don't Belong to the Brazil on TV? *Popular Communication* 12(2):104-116
- Lasswell, H. 1927. *Propaganda Technique in the World War*. Cambridge: Ravenio Books.
- Matsaganis et al. 2011. *Understanding Ethnic Media: Producers, Consumers, and Societies*. California: Sage Publications.
- McQuail, D. 1997. *Audience Analysis*. London: Sage Publications.
- Mohd. Yusof Jalil. 1979. *Sabah : Matinya Parti BERJAYA*. Kuala Lumpur : Mohd. Yusof Jalil Publication
- Mok Soon Sang. 2007. *Kursus Induksi Perkhidmatan Awam dan Kenegaraan*. Kuala Lumpur: Multimedia-Es Resources Sdn. Bhd.
- Moores, S. 2005. *Media/Theory : Thinking about media and communications*. London: Routledge
- Morgan, D. 1988. *Focus Group as Qualitative Research*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Morley, D. 1980. *The 'Nationwide' Audience*. London: British Film Institute
- Morley, D. 1992. *Television, Audiences and Cultural Studies*. London: Routledge
- Nur Aqielah. 2010. *Kaum di Malaysia*. Kuala Lumpur: Goodmark Enterprise
- Ongkili, James P. 1985. *Nation Building in Malaysia, 1964 – 1974*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Parti Bersatu Sabah. Dipetik dari <http://www.pbs-sabah.org/> pada 17 September 2013.
- Persatuan Kebudayaan Kadazandusun (KDCA). Dipetik dari <http://kdca.org.my/about/kadazandusun> pada 8 April 2014.

- ISLAC. 2017. Amalan Sogit ke atas Anak Negeri Sabah Beragama Islam di Mahkamah Anak Negeri: Kajian dari Perspektif Hukum. *Proceedings of International Seminar on the Islamic Jurisprudence in Contemporary Society (ISLAC) 2017: The Social Harmony Through Islamic Law*. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UniSZA. Hlm. 67.
- Pusat Maklumat Rakyat Jabatan Penerangan Malaysia. Dipetik dari <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/255-perspektif-wawasan-2020.html> pada 2 September 2013.
- Puyok, A. dan Bagang, T.D. 2011. Ethnicity, Culture and Indegenous Leadership in Modern Politics: The Case of The Kadazandusun in Sabah, East Malaysia. *Kajian Malaysia*, 29(1):177-197 : Universiti Sains Malaysia.
- Raimond Boin Tombung. 1991. *Keluarga Dusun*. Kota Kinabalu: Persatuan Dusun Sabah Bersatu.
- Regina Lim. 2008. *Federal-state Relations in Sabah, Malaysia: The Berjaya Administration, 1976-85*. Singapore: ISEAS.
- Ruslan Zainuddin. 2006. *Sejarah Malaysia*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ruslan Zainuddin et al. 2005. *Kenegaraan Malaysia*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rutter, O. 1922. *British North Borneo: An account of history, resources, native tribute and native tribes*. London: Constable and Company Ltd.
- Rutter, O. 1929. *The pagans of North Borneo*. London: Hutchinsons & Co.
- Rooney, J. 1981:32. *Khabar Gembira : A History of a Catholic Church in East Malaysia and Brunei (1880-1976)*. University of California: Burns & Oates
- Sabihah Osman. 1992. *Sabah State Election: Implications for Malaysia Unity*, University of California: The Regents.
- Salleh. 1994. *'Politik Sabah: Siapa Wira'*. Kota Kinabalu: SS Alattas Kreatif
- Sarina Abdol Sukor. RTM Angkasapuri, Kuala Lumpur. Penerbit Rancangan Unit Saluran TVi. 26 September 2013.
- Sather, C. dan Jacqueline Pugh-Kitingan. 2004. Story telling in Sabah and Sarawak. *Dalam Ghulam-Sarwar Yousof (ed.) Encyclopedia of Malaysia*, 8:18-19. Kuala Lumpur: Editions Didier Millet.



- Schlesinger. 1991. *Media, state and nation*. Newbury Park, CA: Sage.
- Severin, W., Tankard, J. 1997. *Communication theories: Origins, methods, and uses in the mass media*. London: Longman.
- Shi Y. 2005. Identity Construction of the Chinese Diaspora : Ethnic Media Use Community Formation and the Possibility of Social activism. *Continuum: Journal of Media and Cultural Studies* 19(1): 55-72.
- Spradley, J. 1979. *The Ethnographic Interview*. London: Holt.
- Staal, J. 1923/1924. The Dusuns of North Borneo. *Anthropos* 18/19:958-957
- Stanley Baran dan Dennis Davis. 2008. *Mass Communication Theory: Foundations, Ferment, and Future*. Cengage Learning, hlm. 244.
- Steven J. Taylor dan Robert Bogdan. 1984. *Introduction to Qualitative Research Methods : The Search for Meanings*. New York: John Wiley and Sons.
- Stewart & Shamdasani. 1990. *Focus Group: theory and practice*. California: Sage Publications.
- Straubhaar, J. 2000. 'Culture, language and social class in the globalization of television', in G. Wang et al. (eds.), *The new communications landscape: Demystifying media globalization*. London: Routledge, hlm. 199-224.
- Sun, W. dan Sinclair, J. (ed.). 2015. *Media and Communication in the Chinese Diaspora : Rethinking Transnationalism*. London: Routledge.
- Swee Hock Saw dan K. Kesavapany. 2006. *Malaysia: Recent Trends and Challenges*. Institute of Southeast Asean Studies.
- Syed Hussien Alattas. 1979. *Sarawak, kepada siapa hendak diserahkan?* University of Callifornia : Al Nujum Enterprise.
- Tangau, W. Madius. 1989. *Persamaan dan Perbezaan Sebutan dan Makna dalam Pelbagai Dialek Bahasa Kadazandusun*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- The Star Online. 2011. Dipetik dari <https://www.thestar.com.my/news/community/2011/04/07/new-tv-channel-for-sabah-and-sarawak/> pada 8 April 2013.

- The Straits Echo. 1971. Edisi 29 Disember 1971. *Dalam* Karthigesu (1994). *Sejarah Perkembangan Televisyen Malaysia (1963-1983)*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka., hlm. 96.
- Vejai Balasubramaniam. 1998. *Politik Nasionalisme dan Federalisme di Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Wan Azmi Ramli. 1993. *Dasar Awam Malaysia*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- West, Richard dan Turner, Lynn H. (2007:392-409). *Introducing Communication Theory: Analysis and Application*. McGraw-Hill Higher Education.
- Whelan, F.G. 1970. *A history of Sabah*. Singapore: MacMillan And Co. (S). Ltd.
- Wildman, S., dan Siwek, S. 1988. *International trade in films and television programs*. Cambridge, MA: Ballinger.
- Wilkinson, S. 2004. Focus Group Research. *Dalam* D. Silverman (ed.), *Qualitative Research: Theory, Method and Practice*. (Edisi kedua) London: Sage., hlm. 177-199.
- Zaidi Mat Ali. 2010. *Rukun Negara dan Perpaduan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Brainmax Enterprise.
- Zauyah Yusoff. Angkasapuri, Kuala Lumpur. Penyelaras Saluran TVi. 14 November 2017.
- Zhou, M. dan Cai, G. 2002. Chinese Language Media in The United States: Immigration and Assimilation in American Life. *Dalam Qualitative Sociology, New Cultural Frontiers: A Special Issue*, 25(3):419-441.
- Zuraina Majid. 1985. *Masyarakat Malaysia: Tinjauan dan perbincangan terhadap beberapa isu dan topik semasa*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.